



KEMENTERIAN DALAM NEGERI
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

**KENYATAAN MEDIA
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA**

ISU TULAR: KAKITANGAN JPN PULAU PINANG DICEKUP POLIS

Jabatan Pendaftaran Negara ingin merujuk isu yang sedang tular di media sosial ketika ini mengenai dakwaan “beberapa kakitangan JPN Pulau Pinang dicekup polis kerana terlibat pengeluaran dokumen palsu yang sah”.

JPN ingin memaklumkan kes ini merujuk kepada kes tangkapan seorang pegawai JPN Pulau Pinang pada 2019. Siasatan telah dilakukan oleh pihak berwajib ketika itu dan pegawai telah pun ditahan dan dituduh di bawah beberapa kesalahan termasuklah SOSMA. Untuk makluman perbicaraan kes berkenaan sedang berjalan dan tertuduh masih ditahan di Penjara.

JPN ingin mengulangi pendirian tegas Jabatan ini yang mana tidak akan sama sekali melindungi mana-mana kakitangan yang didapati terlibat dalam sebarang kegiatan yang boleh menjejaskan keselamatan dan kedaulatan negara.

JPN sentiasa serius dan komited memastikan tiada pelanggaran integriti seumpamanya dengan melaksanakan penambahbaikan prosedur pengeluaran dokumen-dokumen pengenalan diri secara berterusan serta pelbagai program pengukuhan integriti kakitangan. Malah kerjasama strategik dengan agensi-agensi penguat kuasa lain juga sentiasa dijalankan bagi memastikan tiada sebarang ruang penyelewengan dan salah guna kuasa oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Namun, JPN juga ingin mengingatkan orang ramai agar tidak mudah mempercayai maklumat yang diperolehi dalam talian dan menyemak dahulu kesahihan maklumat tersebut sebelum membuat sebarang pandangan atau kesimpulan mengenai isu berkenaan atau memanjangkan mesej berkenaan. Perkongsian maklumat yang tidak tepat boleh menimbulkan keresahan dan keraguan dikalangan masyarakat.

Semua pihak diseru agar bersama-sama menyebarkan maklumat yang tepat dan memberi persepsi yang jelas, sahih kepada masyarakat diluar sana.

TAMAT.

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

16 JUN 2023

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab mendaftar peristiwa-peristiwa penting setiap individu seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian. Di samping itu, JPN juga bertanggungjawab dalam menentukan taraf kewarganegaraan dan seterusnya mengeluarkan dokumen identiti individu dalam bentuk kad pengenalan kepada mereka yang layak.

*Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Pendaftaran Negara
Telefon: 03-8880 7077 | E-mel: pro@jpn.gov.my*

LAMPIRAN



Terkantoi apabila ditanya soalan dlm bahasa Melayu...ingatkan bisu rupanya hanya tahu berbahasa Cina kerana baru 10 bulan smp Malaysia dah jd WARGANEGARA.

Hari ini dan kelmarin berberapa org kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) P. Pinang dicekup polis kerana terlibat dlm pengeluaran dokumen palsu yg sah.

Soalan aku:

- 1. Pegawai JPN ni deal dengan siapa utk keluarkan KPT (IC) "tulen" Malaysia?*
- 2. Siapa yg deal dengan warga China ini, rasa aku penjawat awam ni bukan la cerdik sangat nak buat deal2 mcm ni. Lg pun 1/10,000 org Melayu boleh bercakap Cina.*
- 3. Mahukan kerajaan PH menubuhkan satu Badan Khas bagi menyiasat isu ini dari semua sudut sehingga ke "lubang cacing".*

p/s: Isu Buy Muslim First ramai ja pemimpin DAP bersuara tiap2 hari, tp isu Buy Malaysian IC...depa senyap sunyi. Sbb pa eh??